



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY
02600 Arau, Perlis, Malaysia

SACRED ENGINEERING, ON R&D

CAWANGAN PERLIS

PERLIS BRANCH

Telefon : 04-9861001-2-3
Faksimili : 04-9862233

Tarikh:

Rujukan : 100-ITMCPS (HEA/KK-30/7B) Jld. 8
Tarikh : 6 Januari 1999

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

PENGESAHAN SEBAGAI PELAJAR ITM

UNTUK PROJEK : BANGUNAN PASANG SIAP
KURSUS : DIPLOMA IN CIVIL ENGINEERING
MATA PELAJARAN : ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)

Dengan ini disahkan bahawa nama-nama seperti senarai di bawah adalah pelajar Institut Teknologi MARA Cawangan Perlis.

<u>Bil</u>	<u>Nama</u>	<u>No. Kad Pelajar</u>
1.	Wan Norhidayah Hj Wan Muntil	96519350
2.	Nurshahrina Ab. Aziz	96700141
3.	Suhana Mohd Hanapiah	96840695
4.	Rohana Ahmad	96780399
5.	Norsamsiah Idris	96582865

Untuk makluman tuan/puan mereka ini sedang mengikuti mata pelajaran yang tersebut di atas sebagai keperluan kursus sebelum di anugerahkan Diploma.

Untuk membolehkan mereka menyiapkan kertas projek tersebut, mereka memerlukan maklumat atau bahan dari pihak tuan/puan.

Sehubungan dengan itu, sukacita kami sekiranya pihak tuan/puan dapat membekalkan apa-apa maklumat atau bahan yang diperlukan oleh mereka seperti brosur, risalah dan sebagainya. Sekiranya bahan yang diperlukan oleh pelajar itu merupakan dokumen penting pejabat, ianya bolehlah dibuat salinan fotostat dan kosnya ditanggung oleh pelajar. Maklumat atau bahan yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik.

Kerjasama pihak tuan/puan dalam hal ini sangat-sangat kami hargai dan pihak ITM Cawangan Perlis mendahuluinya dengan ucapan terima kasih. Sekian.

Yang benar,

DR. HJ. KHUDZIR HJ. ISMAIL
Timbalan Provos HEA
b/p Provos

s.k: 1. En. Amran Awang - Pensyarah
2. Fail 100-ITMCPS (HEA-30/7B)

RENCANA PERKHIDMATAN

PENGENALAN

Dalam menuju kearah pembangunan ekonomi negara, sektor perindustrian memainkan peranan yang amat penting dalam mencapai taraf negara maju. Dengan demikian peranan industri pasang siap harus diberi tumpuan dan perhatian yang lebih dari pihak kerajaan supaya industri ini dapat mengorak langkah sclaras dengan matlamat wawasan 2020. Oleh yang demikian, kami berlima menyahut seruan ini dengan menubuhkan SACIS ENGINEERING SDN. BHD. yang akan memulakan perniagaan pada 01 Januari 2000. Syarikat kami merupakan perniagaan membuat produk bangunan pasang siap. Dengan bangganya kami memulakan perusahaan produk ini di Pusat Perindustrian Sungai Petani, Kedah Darul Aman dan menjalankan operasi pengurusan di Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Produk ini bertujuan untuk menangani masalah ketidaksefahaman, kesangsian, kecaburan serta persoalan tentang produk pasang siap. Pengeluaran barang bangunan pasang siap merupakan penggunaan teknologi yang termoden pada abad ini, justeru itu Syarikat SACIS ENGINEERING SDN. BHD. telah bersepakat memilih perniagaan ini memandangkan maju kerana ia bukan sahaja menjimatkan masa, malah kos juga dapat dijimatkan.

Ini sejajar dengan modenisasi bidang Kejuruteraan Awam pada masa kini, malah ia boleh mendatangkan keuntungan seterusnya membantu kearah perkembangan ekonomi negara untuk mencapai tahap negara maju agar tidak diperkotak-katikkan oleh negara Barat.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

SURAT PENGESAHAN PELAJAR ITM	i
SEKAPUR SIRIH	ii
PENGENALAN	iii
SURAT AKUAN PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN	iv
PENGHARGAAN	vii
LOGO	1
TUJUAN	3
LATAR BELAKANG SYARIKAT	6
LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI	8
SURAT PERJANJIAN PERKONGSIAN	13
RANCANGAN PENTADBIRAN	20
RANCANGAN PEMASARAN	34
RANCANGAN OPERASI	51
RANCANGAN KEWANGAN	75
KESIMPULAN	99
APPENDIX	

PENDAHULUAN

PENGENALAN

SACIS ENGINEERING SDN.BHD. adalah merupakan perniagaan pembuatan produk bangunan pasang siap yang bertujuan untuk menangani masalah , keraguan, ketidakfahaman, kesangsian, kecaburan serta persoalan tentang bangunan pasang siap.

OBJEKTIF

Menghurai dan menganalisa secara terperinci dan sistematik terhadap prinsip reka bentuk, metodologi dan proses pembinaan bangunan pasang siap.

TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Antara tujuan utama SACIS ENGINEERING SDN.BHD. menyediakan rancangan perniagaan ini adalah untuk:

- Berfungsi sebagai cadangan kewangan untuk mendapatkan pinjaman.
- Menjadi garis panduan dan kawalan bagi setiap rakan kongsi supaya perancangan yang dijalankan mengikut prosedur yang betul. Dengan itu segala perancangan dapat mencapai matlamat dengan berkesan.

- Dapat menentukan potensi dan daya maju projek yang dijalankan dalam menuju matlamat dan wawasan yang dicita-citakan.
- Ia juga dapat mengenal pasti masalah serta risiko yang dihadapi dan langkah-langkah untuk mengatasinya.

LOKASI

Syarikat kami akan beroperasi di Kawasan Perindustrian Malaysian Industrial Estates Sdn Bhd. yang terletak di Sungai Petani, Kedah Darul Aman dan beribu pejabat di Lot 958, Jalan Sultan Badli Syah, 05000 Alor Setar, Kedah. Ini memudahkan segala urusan yang berkaitan dengan hal-hal pentadbiran memandangkan bandar tersebut amat strategik di Kawasan Utara di mana ia menjadi tumpuan orang ramai dan pusat jual beli.

ASPEK PENTADBIRAN

Aspek pentadbiran meliputi kedudukan pengurusan dalam perniagaan kami. Kami telah memiliki struktur organisasi mengikut fungsi di mana ia terdiri daripada Pengarah, Pengurus Pentadbiran, Pengurus Pemasaran, Pengurus Operasi, Pengurus Kewangan dan kakitangan lain seperti Penolong Pengurus Pentadbiran, kerani akaun, kerani am, jurutera, setiausaha, eksekutif pemasaran, eksekutif pengiklanan, penyelia, dan buruh, pengawal keselamatan dan penyambut tetamu. Semuanya seramai 25 orang pekerja.